



NEGERI KEDAH

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 27
Bil. 5

1hb Mac, 1984

TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN

K. P.U. 3.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL MENCEGAH KEKOTORAN PIHAK-PIHAK BERKUASA TEMPATAN, NEGERI KEDAH 1983

Undang-undang Kecil:

1. Nama, tarikh kuatkuasa dan pemakajian.
2. Tafsiran.
3. Kesalahan.
4. Anggapan.
5. Tanggungan penghuni tanah, bangunan dsb.
6. Tempat buang air-kecil atau tandas, perlu disediakan di rumah awam dll.
7. Syarat-syarat kepada bangunan dan kenderaan awam.
8. Kebersihan pasar dan gerai.
9. Kuasa untuk membuang orang yang melanggar peraturan dan menamatkan pajak.
10. Meletak halangan.
11. Hukuman.
12. Kompaun.
13. Pemansuhan.

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 73 dan seksyen 102, Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah, dengan ini membuat dan menurut Seksyen 103, Akta yang sama, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil yang berikut:

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah, 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1983.

Nama, tarikh
kuatkuasa dan
pemakajian.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah dipakai di kawasan-kawasan seperti yang tersebut di dalam Jadual.

Tafsiran

2. Bagi maksud Undang-undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—
“bangunan” termasuklah mana-mana rumah, pondok, gerai, bangsal atau ruangan yang berbumbung sama ada digunakan untuk tujuan kediaman orang atau sebaliknya dan juga mana-mana dinding, pagar, plafon, pentas, pintu pagar, tiang, pancang, rangka, papan dinding, pelunsur, dok, dermaga; pengkalan, jeti, tempat pertemuan atau jambatan atau mana-mana struktur, tempat penahanan atau asas yang berkaitan kepada yang di atas;

“jalan raya” termasuklah mana-mana jalan, lorong, medan, siar-kaki, jejambat, lorong belakang atau laluan, sama ada dua hala atau tidak di mana orang ramai berhak berjalan, dan juga jalan di atas mana-mana jambatan awam, dan juga termasuklah mana-mana jalan, siarkaki, laluan, kawasan atau lorong kecil terbuka, yang digunakan atau bertujuan untuk digunakan sebagai cara untuk memasuki kepada dua bangunan atau lebih, sama ada orang awam berhak untuk melaluiinya atau tidak, dan semua terusan, parit, longkang dan tanah simpanan di tepi mana-mana jalan raya hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada jalan raya tersebut;

“kekotoran” termasuklah apa-apa najis manusia atau binatang, habuk, pasir, tanah-tanah merah, batu kelikir, tanah liat, batu, kertas, abu, bangkai, daun dan ranting, rumput, jerami, kotak, tong, bandela, cukuran rambut, bulu, habuk gergaji, sampah, sampah-sarap, kebun, sampah-sarap, kandang, sampah-sarap perniagaan, baja, sampah buangan, botol, kaca, tin, bekas makanan, pembalut makanan, sisa makanan atau benda-benda lain atau barang-barang lain;

“kenderaan” mempunyai makna yang diperuntukkan di dalam Ordinan Lalu-lintas Jalan Raya 49/1958:

“pasar” termasuklah mana-mana tempat, yang digunakan untuk menjual binatang-binatang atau daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran, ayam-itik, telur atau bahan-bahan makanan atau minuman untuk kegunaan manusia serta untuk penjualan barang-barang perdagangan dan termasuklah semua tanah dan premis yang digunakan dengan apa cara sekalipun yang berkaitan dengannya atau untuk tujuan yang berkenaan dengannya;

“pasar awam” ertiinya sebuah pasar yang dippunyai, disewakan atau diselenggarakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan;

“pasar sendirian” ertiinya sebuah pasar selain daripada pasar awam dan termasuk supermarket;

“pegawai kesihatan” ertiinya pegawai yang pada masa itu menjalankan tugas seorang pegawai kesihatan, di Pihak Berkuasa Tempatan, mengikut mana yang berkenaan;

“pemunya” termasuklah pemilik, atau mana-mana orang yang pada masa itu menerima sewa mana-mana premis sama ada untuk dirinya sendiri, sebagai pemegang amanah atau penerima atau yang akan menerima sewa tanah atau rumah yang terkandung dalam premis yang disewakan kepada penyewa;

“pemunya kenderaan” termasuklah orang yang memiliki atau menggunakan atau mempunyai hak bagi menggunakan mana-mana kenderaan itu;

"pemunya gerai" ertiinya berkaitan dengan sebuah pasar awam seorang yang dilesenkan oleh Yang Dipertua untuk menjual di dalam kawasan pasar awam, dan berkaitan dengan sebuah pasar sendirian seseorang yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar tersebut untuk menjual di dalam kawasan pasar itu dan di dalam kedua-dua hal itu termasuklah orang yang menjaga gerai-gerai tersebut;

"penghuni" termasuklah orang yang menduduki mana-mana premis atau yang menjaga, menguruskan atau mengawalnya sama ada untuk dirinya sendiri atau sebagai ejen orang lain tetapi tidak termasuk penumpang;

"Pihak Berkuasa Tempatan" ertiinya mana-mana Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah Kerajaan Tempatan seperti yang disebutkan di dalam Jadual mengikut mana yang berkenaan;

"rumah awam" termasuklah "pubs", "bars", "coffee houses", kedai makan atau lain-lain premis yang dilesenkan untuk menjual minuman yang beralkohol;

"sampah" termasuklah serpihan batu, kertas yang tidak berguna, barang-barang dapur dan logam dan lain-lain jenis sampah-sarap;

"sampah sarap kandang" ertiinya tahi atau kencing kuda, lembu kambing, babi atau lain-lain binatang ternakan, dan benda-benda yang disapu, atau sampah sarap dalam parit daripada mana-mana kandang kuda atau kandang lembu atau bangsal atau tempat-tempat lain untuk menyimpan kambing, babi, ayam itik atau lain-lain binatang ternakan;

"sampah sarap kebun" ertiinya sampah sarap daripada kebun dan pekerjaan pertanian;

"sampah sarap perniagaan" ertiinya sampah sarap daripada mana-mana perniagaan, buatan atau dagangan atau daripada mana-mana bahan-bahan atau pembinaan bangunan;

"tempat awam" termasuklah tiap-tiap sebuah raya, jalan raya awam, jalan jambatan, medan, kawasan lorong kecil, lorong siarkaki, pesiarian, dermaga, jeti, pengkalan sungai, anak sungai, terusan, parit tali air, taman awam atau tanah lapang, dan tiap-tiap pawagam, pelbagai jenis tempat hiburan awam atau tempat-tempat kunjungan awam di mana diketahui pembayaran untuk memasuki ke dalam atau di mana orang awam boleh keluar masuk;

"tempat kunjungan orang awam" termasuklah bangunan atau tempat yang ditakrifkan atau tempat yang ditutup yang digunakan atau dibina atau diubahsuai untuk digunakan sama ada secara biasa atau kadangkalanya sebagai gereja, gereja kecil, masjid, rumah berhala atau tempat lain di mana orang ramai beribadat atau upacara agama dilakukan, selain daripada hanya digunakan kebiasaannya sebagai rumah atau sebagai pawagam, panggung, dewan orang ramai, bilik pertunjukan orang ramai, tempat menari orang ramai, bilik syarai orang ramai, atau bilik pameran orang ramai, atau sebagai sebuah tempat orang ramai berhimpun untuk orang-orang yang dibenarkan masuk dengan tiket atau selainnya atau digunakan atau dibina atau diubahsuai untuk digunakan sama ada secara biasa atau kadang-kala untuk lain-lain tujuan awam;

"Yang Dipertua" ertiinya Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan secara bertulis oleh Yang Dipertua

Kesalahan. 3. Scorang yang—

l com/pen → (a) menempat, menyimpan, membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan, disimpan atau dibuangkan mana-mana kekotoran di mana-mana tempat awam;

l com/pen/kuas (b) mengeringkan mana-mana bahan makanan atau mana-mana barang atau benda di mana-mana tempat awam;

l com/kuas (c) membuang, menempat, menumpah atau menabur apa-apa darah, air masin, bilasan, cecair yang merbahaya atau bahan-bahan merbahaya atau kotor dalam apa bentuk sekalipun dengan cara ianya akan mengalir atau jatuh di mana-mana tempat awam;

Konjunktur (d) menitik, menumpah, membuang, menabur atau dengan apa cara sekilipun menyebabkan dititik, ditumpah, dibuang atau ditabur apa-apa kekotoran, di mana-mana tempat awam, sama ada daripada kenderaan yang bergerak atau yang tidak bergerak;

Konjunktur (e) mengayak, menggoncang, membersih, mengacau atau selainnya mengusik mana-mana kapur, abu, pasir, arang, rambut, kertas yang tidak berguna, buluh, atau bahan-bahan lain dengan secara ianya dibawa atau mungkin dibawa oleh angin kepada mana-mana tempat awam;

l com/kuas (f) membuang atau meninggalkan mana-mana botol, kaca, tin, bekas makanan, pembalut makanan, serpihan makanan atau apa-apa benda atau barang-barang lain di mana-mana tempat awam;

Kekotoran (g) semasa pembinaan, pemberian atau runtuhan mana-mana bangunan atau binaan pada bila-bila masa menyimpan, menitik, meninggal atau menempatkan, atau menyebabkaninya disimpan, dititik, ditinggal atau ditempatkan di dalam atau di mana-mana tempat awam apa-apa batu, simen, tanah, pasir, kayu atau bahan-bahan bangunan benda atau bahan-bahan lain atau gagal untuk mengambil langkah keselamatan yang sesuai untuk mengelakkan bahaya kepada nyawa, kesihatan atau untuk kepentingan orang ramai yang menggunakan mana-mana tempat awam daripada habuk yang berterbangan atau sisa atau kepingan yang jatuh atau mana-mana benda lain; atau

(h) membiarkan kekotoran itu di mana-mana tempat awam atau persendirian;

adalah melakukan satu kesalahan.

Anggapan.

4. Untuk tujuan Undang-undang Kecil 3 (d) jika kekotoran itu disebabkan oleh atau menitik, melimpah, dibuang atau ditabur dari sesebuah kenderaan, pemunya atau pemandu kenderaan itu mengikut mana yang berkénaan hendaklah dianggap sebagai melakukan suatu kesalahan sehingga dibuktikan sebaliknya.

Tanggungan
penghuni ia
nah/bangunan
sepunya bis
nataq dsb

5. Jika dibuktikan bahawa mana-mana kekotoran, sampah, apa jenis sampah atau benda-beda lain yang disebutkan di dalam Undang-undang Kecil ini telah diletak atau dibuang di mana-mana tempat secara bertentangan dengan Undang-undang Kecil ini daripada mana-mana bangunan atau tanah atau binatang atau bahawa mana-mana air atau bahan-bahan merbahaya atau kekotoran telah mengalir atau telah dibuang atau ditempatkan di

atas atau di dalam mana-mana jalan raya atau parit secara pertentangan dengan Undang-undang Kecil ini, maka hendaklah dianggap bahawa kesalahan itu telah dilakukan oleh penghuni atau dengan keterangan penghuni bangunan atau pemunya ~~birutoua~~ tersebut.

(i) Di mana rumah awam; bilik minum panggung, pawagam, pameran atau tempat hiburan awam yang tidak mempunyai atau tidak dilengkapi dengan tempat membuang air kecil atau tandas, Yang Dipertua boleh, dengan notis yang bertulis, menghendaki tuan punya premis tersebut dalam tempoh masa yang ditentukan di dalam notis tersebut supaya menyedia dan menyelegarkan satu atau lebih tempat buang air atau tandas di tempat yang sesuai.

Tempat buang air kecil atau tandas perlu disediakan di rumah awam dan lain-lain.

(ii) Mana-mana pemunya yang gagal mematuhi notis yang dikeluarkan di bawah perenggan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

7. (i) Pemunya, penghuni, pemajak atau penyewa mana-mana bangunan atau sebahagian daripadanya yang boleh dimasuki oleh orang awam, atau mana-mana kenderaan yang digunakan untuk perdagangan atau perniagaan hendaklah:

Syarat-syarat kepada bangunan dan kenderaan awam.

(a) selalu menjaga di dalam keadaan baik dari mencuci bersih bangunan atau mana-mana bahagiannya atau kenderaan itu;

(b) menjaga bangunan atau mana-mana bahagiannya atau kenderaan tersebut itu supaya bebas daripada keadaan keadaan yang boleh membahayakan nyawa atau kesihatan pekerja-pekerjanya, orang ramai dan juga pengguna-pengguna lain; dan

(c) menyedia dan menyelenggarakan bekas-bekas sampah di dalam bangunan-bangunan atau mana-mana bahagiannya atau kenderaan itu.

(ii) Di mana pada pendapat Yang Dipertua, pemunya, penghuni atau pemajak bangunan atau bahagian-bahagian tersebut, atau pemunya kenderaan gagal mematuhi perenggan (i) (a), (b) atau (c), Yang Dipertua boleh, dengan notis yang bertulis menghendaki pemunya, penghuni, pemajak atau pemunya kenderaan tersebut dalam tempoh masa yang ditentukan di dalam notis ini, mengambil langkah-langkah yang difikirkan perlu.

(iii) Seorang yang melanggar mana-mana peruntukan perenggan (i) (a), (b) atau (c) atau enggan, lalai atau gagal mematuhi mana-mana notis yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua menurut perenggan (ii) dalam tempoh masa yang ditentukan di dalam notis itu adalah melakukan suatu kesalahan.

(iv) Bagi seorang yang gagal mematuhi notis yang diberikan menurut perenggan (ii), Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya, tanpa memudaratakan apa-apa tindakan di bawah Undang-undang Kecil ini, menjalankan semua atau mana-mana kehendak yang tertera di dalam notis tersebut dan menuntut daripada orang tersebut kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Yang Dipertua.

(v) Yang Dipertua hendaklah memperakui kos dan perbelanjaan itu dan sijil Yang Dipertua adalah bukti yang muktamad atas jumlah yang dikenakan itu. Jumlah tersebut akan dianggap sebagai satu hutang kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Kebbersihan
pasar dan
gerai.

Lemparan
air dan sisa

Kuasa me-
larang per-
niagaan, per-
dagangan dkk.

Meletak
halangan.

Kegunaan

Yanafasam

8. (i) Tiap-tiap pemegang lesen sesebuah pasar sendirian atau awam hendaklah menjaganya supaya bersih dan bebas dari kekotoran:

(ii) Tiap-tiap pemunya gerai hendaklah menjaga pondoknya, gerai, kandang atau tempatnya dan keadaan diskelilingnya bersih dan bebas dari kekotoran.

(iii) Di mana, pada pendapat Yang Dipertua, pemegang lesen pasar sendirian atau pasar awam atau pemunya gerai telah gagal mematuhi peruntukan-peruntukan perenggan (i) atau (ii). Yang Dipertua boleh dengan notis yang bertulis menghendaki pemegang lesen atau pemunya gerai tersebut dalam tempoh masa yang ditentukan di dalam notis itu mengambil langkah-langkah di mana Yang Dipertua fikirkan patut untuk tujuan mematuhi peruntukan-peruntukan tersebut.

(iv) Seorang yang melanggar mana-mana peruntukan perenggan (i) atau (ii) atau enggan, lalai atau gagal mematuhi mana-mana notis yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah perenggan (iii) adalah melakukan suatu kesalahan.

9. Yang Dipertua boleh mengusir atau menyebabkan diusir dari pada mana-mana pasar sama ada pasar sendirian atau pasar awam, mana-mana orang atau pekerjanya, yang telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini atau mana-mana Undang-undang Kecil lain yang berkaitan dengan pasar dan boleh melarang orang tersebut, daripada menjalankan mana-mana perdagangan atau perniagaan di dalam pasar-pasar tersebut atau menamatkan mana-mana pajakan atau sewanya di atas gerai, kedai atau tempat-tempat lain itu.

10. (i) Seorang yang tanpa kebenaran Yang Dipertua:

(a) membina, mendirikan, menubuh atau menyelenggara atau membenarkan dibina, didiri atau ditubuh atau diselenggarakan mana-mana dinding, pagar, penggalang, tiang atau pelunggukan apa-apa bahan atau lain-lain halangan di tempat awam;

(b) menutup atau menghalang mana-mana parit terbuka; pembetungan atau saluran air di sepanjang tepi mana-mana lebuh;

(c) menyimpan atau menyebabkan disimpan mana-mana kotak, bendela atau bungkus barang-barang perdagangan, perkakas dapur atau barang-barang atau benda-benda lain di mana-mana tempat lebih lama daripada masa yang diperlukan bagi memuatkan atau memunggah barang-barang perdagangan atau barang-barang tersebut;

(d) menyimpan atau menyebabkan disimpan mana-mana barang jualan atau benda-benda yang digunakan untuk atau yang berkaitan dengan perdangangannya di mana-mana tempat awam;

(e) menyimpan, menyebabkan disimpan atau membenarkan mana-mana kenderaan terlantar atau mana-mana bahagianya, besi buruk, kayu balak, benda yang tidak berguna atau benda-benda lain atau barang-barang lain di mana-mana tempat awam;

(f) menyimpan atau menyebabkan disimpan sampah sarap kebun, atau sampah sarap perniagaan atau apa-apa benda atau barang-barang lain di mana-mana tempat awam; atau

r sendirian atau
n bebas dari ke-

jaga pondoknya,
kelilingnya bersih

pemegang lesen
gerai telah gagal
atau (ii). Yang
hendak pemegang
oh masa yang di-
langkah di mana
mematuhi per-

ntukan perenggan
matui mana-mana
bawah perenggan

abkan diusir dari
atau pasar awam,
h disabitkan atas
cil ini atau mana-
dengan pasar dan
akan mana-mana
asar tersebut atau
iya di atas gerai,

ipertua:

enggar atau mem-
iu diselenggarakan
ng atau pelunggu-
n di tempat awam;
arit terbuka; pem-
tepi mana-mana

mana-mana kotak,
perdagangan, per-
nda-benda lain di-
la' masa yang di-
nggahkan barang
tersebut;

mana-mana barang
n untuk atau yang
ana-mana tempat

atau membeikarkan
na-mana bahagian
tidak berguna atau
lain di mana-mana

jan sampah, sarap
atau apa-apa benda
tempat zwam, atau

(g) menyebab atau membenarkan mana-mana kenderaan ber-
henti di mana-mana siarkaki;

adalah melakukan suatu kesalahan.

(ii) Apabila didapati di dalam mana-mana kes bawah mana-
man barang atau benda telah disimpan di mana-mana tempat
awam daripada mana-mana bangunan atau tanah secara yang
bertentangan dengan Undang-undang Kecil ini, maka hendaklah
dianggap bawah kesalahan itu telah dilakukan oleh atau dengan
kebenaran penghuni bangunan atau tanah tersebut.

(iii) (a) Yang Dipertua boleh menyebabkan mana-mana ha-
jangan dipindahkan kepada tempat yang sesuai dan di-
tinggalkan atas tanggungan pemunya dan boleh me-
nahan sehingga perbelanjaan untuk memindah dan me-
nahan itu dibayar:

(b) Yang Dipertua mestilah memperakurkan perbelanjaan
tersebut kepada pemunya dan sijil perakuan Yang Di-
pertua adalah bukti yang muktamad atas jumlah yang
terhutang;

(c) Jumlah tersebut hendaklah dianggap sebagai hutang
kepada Pihak Berkuasa Tempatan mengikut mana yang
berkenaan.

11. Sesiapa yang melanggar mana-mana Undang-undang Kecil Hukuman.
ini atau mana-mana peraturan atau syarat di bawahnya adalah
melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabit dikenakan
denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara yang
tidak melebihi setahun atau kedua-duanya dan sekiranya kesalahan
itu berterusan selepas sabitan boleh didenda sebanyak
tidak melebihi dua ratus ringgit untuk tiap-tiap sehari kesalahan
itu berterusan.

12. Yang Dipertua boleh mengikut budi bicara mengkompaun Kompaun.
apa jua kesalahan terhadap Undang-undang Kecil ini dengan
mengutip dari orang yang dituduh melakukan kesalahan itu se-
jumlah wang yang tidak melebihi tiga ratus ringgit.

13. Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran Majlis Per-
bandaran Kota Setar, 1979 dan Undang-undang Kecil Mencegah
Kekotoran Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kuala Muda, 1979
adalah dengan ini dimansuhkan.

Pemangsuhan
K. P.U. 4/
1979 dan 19/
1979.

JADUAL

(Undang-undang Kecil 1: (2))

1. Majlis Perbandaran Kota Setar.
2. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kuala Muda.
3. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kulim.
4. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Baling.
5. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kubang Pasu.
6. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Sik.
7. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Bandar Baharu.
8. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Padang Terap.
9. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Pendang.
10. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Langkawi.
11. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Yan.

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

(Act 171)

LOCAL AUTHORITIES OF KEDAH ANTI-LITTER BY-LAWS 1983

By-Law:

1. Citation, date of commencement and application.
2. Interpretation.
3. Offences.
4. Presumption.
5. Liability of occupier of land, building owners of animals. etc.
6. Urinals or waterclosets to be attached to public houses, etc.
7. Requirements for public building vehicles.
8. Cleanliness of markets and stalls.
9. Powers to expel person who disobeyed regulations and to determine lease.
10. Causing obstructions.
11. Penalty.
12. Compound.
13. Repeal.

IN exercise of the powers conferred by section 73 and section 102 of the Local Government Act 1976 the Local Authorities of Kedah hereby makes and pursuant to section 103 of the same Act the State Authority hereby confirms the following by-laws:

Citation, date of commencement and application.

1. (1) These by-laws may be cited as the Local Authorities of Kedah Anti-Litter By-Laws 1983 and shall come into force on the 1st day of October, 1983.

(2) These by-laws shall apply to the areas described in the Schedule hereto.

Interpretation.

2. For the purpose of these by-laws unless the context otherwise requires—

“building” includes any home, hut, stall, shed or roofed enclosure, whether used for the purpose of human habitation, or otherwise, and also any wall, fence, platform, stage, gate, post, paling, frame, boarding, slip, dock, wharf, pier, jetty, landing-stage or bridge or any structure, support or foundation connected to the foregoing;

“garden refuse” means the rubbish from garden and agricultural operations;

“health officer” means officer for the time being carrying out the duties of health officer, in the Local Authority as the case may be;

“litter” includes any human faeces or animal dung, water, liquid, dust, sand, earth, laterite, gravel, clay, stone, paper, ashes, carcass, leaves, branches, grass, straw, boxes, barrels, bales, shaving, hairs, feathers, sawdust, rubbish, garden refuse, stable refuse, trade refuse, manure, garbage, bottles, glass, can, food container, food wrapper, particles of food or other things or articles;

“Local Authority” means any Municipal Council or District Local Government Council stated in the Schedule as the case may be.